

Samudera Berbicara Menelusuri Seni Islam Era Kolonialisme dan Dunia Melayu

Dunia Melayu terdiri daripada beberapa buah negara di Asia Tenggara, iaitu Malaysia, Indonesia, Singapura, Brunei, Selatan Thailand dan Filipina. Dunia Melayu juga tersebar sejauh Sri Lanka, Cape Town di Afrika Selatan dan Madagaskar. Capaian seluas itu berlaku kerana ada pedagang Melayu yang berlayar dan mendarat di sana, namun lebih jelas banyak yang dibawa oleh pemerintah kolonial British dan Belanda untuk bekerja. Perkara lain yang memungkinkan penyebaran dunia Melayu ke negara tersebut disebabkan hukuman yang dikenakan, iaitu ada yang dibuang negeri kerana melawan penjajah terutamanya ke Afrika Selatan. Selain itu, pada zaman kolonial, pihak British telah menubuhkan pasukan tentera yang dikenali sebagai Ceylon Rifle Regiment di Sri Lanka.

Dunia Melayu terkenal kerana mempunyai beberapa buah pelabuhan yang penting. Manuskrip berbahasa Arab, Parsi dan Turki Uthmaniyah banyak menceritakan tentang cara dan laluan ke pelabuhan penting di dunia Melayu. Contohnya, *Kitab Awdah al-Masalik ila Ma'rifat al-Buldan wa al-Mamalik* yang menyebutkan tentang tiga buah pelabuhan utama di dunia Melayu pada abad ke-16 termasuklah Kalah yang terletak di Semenanjung Tanah Melayu, dan Fansur yang terletak di utara Sumatera dan Jawa.

Pelabuhan tersebut amat penting untuk menggerakkan ekonomi sesuatu tempat.

Peta Barat juga pada asalnya dihasilkan oleh ahli kartografi dari Portugis untuk mencari jalan ke pelabuhan penting di dunia Melayu terutamanya Melaka yang menjadi pusat pengumpulan segala rempah dari Kepulauan Melayu. Dalam sebuah dokumen Portugis yang ditulis di antara tahun 1509 hingga tahun 1501 telah diterjemahkan oleh Manuel Joaquim Pintado dan diterbitkan oleh Arkib Negara menyatakan:

“Terdapat perahu yang dipenuhi serbuk emas dari Sumatera menuju ke Melaka, pelabuhan terkaya di dunia. Turut membawa lada hitam dari sana ... bawang putih dari Maluku, kopi dari Borneo, bunga dan buah pala, serta cendana putih dan merah dari Timor.”

Dunia Melayu terletak di antara laluan lautan terpenting, yakni di Teluk Benggala, Lautan Hindi dan Laut China Selatan yang menjadi laluan utama perdagangan dan migrasi. Selat Melaka, Selat Sunda dan lautan lain seperti Laut Jawa, Laut Sulawesi dan Laut Sulu turut menjadi laluan utama untuk migrasi dalaman yang berlaku di antara kawasan dalam dunia Melayu. Sungai dan laluan air lain juga memainkan peranan dalam usaha memajukan ekonomi dunia Melayu. Hal ini berkemungkinan berlaku lebih awal daripada abad ke-9 kerana pada abad tersebut sebuah kota pelabuhan bernama Kalah yang berada di Semenanjung Tanah Melayu menjadi tempat utama perdagangan bagi pedagang dari Siraf (Iran) dan China kerana pemberontakan yang berlaku di China pada zaman pemerintahan

Dinasti Tang. Penemuan kapal karam di perairan Indonesia, Filipina dan Malaysia membuktikan bahawa banyak kapal pedagang dari China dan Eropah yang melalui perairan penting di dunia Melayu untuk berdagang. Satu daripada kapal karam telah menjadi bangkai kapal di Belitung, Indonesia yang belayar pada sekitar abad ke-9. Seramik merupakan barang yang didagangkan pada ketika itu.

Hubungan antara dunia Melayu dengan beberapa buah tempat di benua kecil India, iaitu India dan Sri Lanka dalam hal berkaitan dengan budaya dan perdagangan amatlah rapat. Gujarat dan Khambat merupakan antara tempat yang mempunyai cerita menarik dengan dunia Melayu. Gujarat terkenal dengan penghasilan kain patola yang dipakai oleh golongan diraja terutama di Keraton di Jawa, manakala batu peringatan (cenotaph) marmar dari Khambat terkenal dalam kalangan pemerintah dari dunia Islam seperti Dinasti Rasulid. Perdagangan antara dunia Melayu dengan India dilakukan secara sistem barter. Misalnya, pedagang Chulia membawa tekstil dari India untuk

mendapatkan tin dan gajah dari Kedah semasa pemerintahan Sultan Kedah.

Pengaruh Tradisi Dunia Islam dan Kesan Pengislaman

Pergerakan manusia seiring dengan pergerakan artifak seni dan mempengaruhi penghasilan budaya kebendaan (material culture) di dunia Melayu:

Kesultanan Samudera-Pasai mula mengeluarkan mata wang emas dengan cap tertera nama pemerintah dan gelaran diraja. Gelaran seperti *Malik al-Adil* yang bermaksud "Raja yang Adil" membawa tradisi gelaran pemerintah dari dunia Islam.

Tradisi dalam dunia Islam bukan hanya mempengaruhi corak dan gaya kehidupan penduduk asal di dunia Melayu, malah turut mempengaruhi aspek lain. Sebagai contoh, tradisi memakai baju azimat untuk tujuan perlindungan diri merupakan suatu tradisi yang bukan sahaja diamalkan di Asia Tenggara, malah turut dipakai oleh

Bahagian belakang sehelai baju azimat dari Jawa yang dihiasi dengan simbol azimat dan nama Allah serta Nabi Muhammad.

Baju azimat dari yang dipenuhi dengan ayat al-Quran. Ditengah-tengahnya ditulis petikan ayat daripada *Surah al-Saff* (61:13).

Pengislaman penduduk di dunia Melayu secara aktif bermula pada abad ke-13 dengan penemuan Batu Minye Tujuh, Batu Nisan Ahmat Majanu di Pengkalan Kempas dan Batu Bersurat Terengganu yang menunjukkan perubahan tulisan daripada aksara Indik seperti Kawi kepada tulisan Jawi.

pahlawan di Empayar Uthmaniyah, Safavid dan Mughal. Walaupun pemakaian baju azimat wujud di Asia Tenggara, tulisan yang digunakan lebih kepada pengaruh Buddha terutamanya di negara di tanah besar Asia Tenggara. Ayat al-Quran terutamanya ayat 13 *Surah al-Saff* yang bermaksud, "Pertolongan daripada Allah dan kemenangan yang cepat (masa berlakunya)" dan simbol tertentu seperti khatam Sulaiman serta nama-nama daripada kisah Ashabul kahfi dilukis di atas baju azimat sebagaimana yang dilakukan dalam dinasti Islam yang lain.


Kain batik besurek dari Cirebon yang dihiasi dengan lapan *tughra*.



Kain patola dari Gujarat, India.

Kesan hubungan dunia Melayu dengan dunia Islam dapat dilihat dalam pelbagai bentuk seperti artifak yang diilhamkan daripada manuskrip kepada tekstil, seterusnya kepada ukiran kayu yang diinspirasi daripada kisah Nabi Muhammad SAW. Misalnya buraq, seekor binatang berbentuk kuda yang dinaiki oleh Nabi Muhammad semasa peristiwa Israk dan Mikraj juga memberikan inspirasi kepada ukiran kayu di Mindanao. Suatu ketika dahulu, perarakan buraq diadakan bersempena dengan perayaan dalam bulan Muharam di Singapura pada tahun 1864 seperti yang tercatat dalam *Syair Tabut* oleh Encik Ali. Lukisan buraq juga terdapat dalam seni Islam daripada dinasti lain di dunia Islam.

Satu daripada tradisi terpenting dalam dunia Islam ialah penghasilan mushaf al-Quran. Seni iluminasi dalam mushaf al-Quran selalunya menghiasi *Surah al-Fatihah*, pembuka *Surah al-Baqarah*, *Surah al-Kahfi*, *Surah al-Falaq* dan *Surah al-Nas* yang menunjukkan kreativiti pengiluminasi tersebut menggunakan seni tempatan. Misalnya, mushaf al-Quran dari Terengganu menunjukkan ciri-ciri gunung dan bingkai yang mengelilingi dua helai halaman iluminasi dihiasi dengan bunga dan corak geometri.



Kitab *Dala'il al-Khairat* dari Terengganu bertarikh 1250 Hijrah (1835 Masihi).

Selain itu, elemen penting dalam sesetengah al-Quran di dunia Melayu akan dihiasi dengan tinta emas atau dikenali sebagai *tezhip* seperti kebanyakan al-Quran yang dihasilkan dalam dunia Islam.


Pengislaman penduduk di dunia Melayu secara aktif bermula pada abad ke-13 dengan penemuan Batu Minye Tujuh, Batu Nisan Ahmat Majanu di Pengkalan Kempas dan Batu Bersurat Terengganu yang menunjukkan perubahan tulisan daripada aksara Indik seperti Kawi ke tulisan Jawi. Pengenalan tulisan Jawi turut menyebabkan berlakunya penyebaran seni khat di rantau ini. Menurut Abdullah Munshi dalam *Karya Lengkap Abdullah Bin Abdul Kadir Munsyi* oleh Amin Sweeney, "Tetapi adalah sedikit orang dalam antara mereka itu yang pandai menulis, lagipun bagus bekas tangannya menulis Arab, seperti Quran dan kitab-kitab bahasa Arab, maka jarang yang dalam bahasa Melayu. Maka sebab itu kebanyakan terpuji Quran Terengganu itu dalam negeri yang lain."

Jurukhat bukan hanya menulis al-Quran dan kitab agama, malah mereka turut bekerjasama dengan pakar dalam seni Melayu seperti ukiran kayu. Satu daripada seni khat yang terkenal di dunia Melayu dikenali sebagai Seni Khat Istanbul yang dipelajari oleh ulama

yang belajar di Makkah, Mesir dan wilayah Uthmaniyah. Antara penulis khat yang terkenal dengan gaya Istanbul termasuklah Ibrahim al-Khulusi bin Wudd al-Jawi al-Sambawi, Abdul Rahman bin Muhammad Saman, Abdurrahman Stambul dari Pulau Penyengat dan Haji Abdul Rahman dari Terengganu.


Islam juga membawa perubahan kepada motif praislamik dengan menambahkan unsur tumbuhan, geometri dan seni khat Arab. Keris yang dihiasi bentuk zoomorfik yang dikenali sebagai Jawa Demam yang dari mata kasar kelihatan seperti seorang lelaki menahan sakit demamnya mula diukir dengan cara mengurangkan bentuk tubuh badan manusia. Selain itu, corak tumbuhan seperti kawung dan geometrik seperti corak banji (swastika) yang dilihat menghiasi patung Hindu-Buddha di candi

Makam Ratu Nahrisyah (cenotaph), kerajaan Samudera-Pasai di Aceh bertarikh 831 Hijrah (1428 Masihi).





Al-Quran cetakkan batu (litograf).



Mushaf al-Quran dari Turki Uthmaniyah dengan hiasan emas (tezhip) bertarikh 1087 Hijrah (1676 Masihi).

seperti patung Kala semasa pemerintahan Singhasari dan Majapahit dapat dilihat pada batik dan juga iluminasi pada al-Quran pada hari ini. Hal ini kerana motif tersebut tidak dikaitkan dengan konsep praislamik, tetapi dianggap sebagai motif tradisional konsep bunga-bunga dan geometri.

Rangkaian Ulama di Dunia Melayu dan Diaspora di Makkah

Membuka lembaran halaman pertama kitab *Sirat al-Mustaqim* karangan Syeikh Nur al-Din al-Raniri akan membawa pembaca kepada perenggan yang berikut; “Shaykh Nur al-Din

Muhammad Jailani ibn ‘Ali ibn Hasanji ibn Muhammad Hamid, nama bangsanya, Syafi’i mazhabnya, Raniri negeri tempatnya kediamannya.”

Syeikh Nur al-Din al-Raniri berasal dari Raniri, iaitu sebuah tempat di Gujarat, India. Beliau kemudian belayar ke Aceh, Sumatera dan menjadi orang terpenting di istana Aceh sebagai Syeikh al-Islam. Islam berkembang pesat di bawah naungan sultan dan sultanah.

Ulama dari rantau tersebut merentas lautan untuk ke Hijaz dan menuntut ilmu dalam pelbagai bidang agama termasuklah seni Islam. Para ulama turut belajar seni khat di Hijaz. Bahasa Melayu dan

tulisan Jawi menjadi penyatuan penduduk yang berasal dari dunia Melayu semasa Hijaz dan Mesir berada di bawah naungan Uthmaniyah. Mereka yang datang ke Hijaz sama ada untuk menuntut ilmu ataupun menunaikan haji dan umrah tinggal di tempat tinggal yang diwakafkan oleh sultan.


Antara sultan yang mewakafkan rumah termasuklah Raja Reman dan Raja Patani.

Bahasa Melayu dan tulisan Jawi juga memainkan peranan penting dalam penyebaran ilmu. Dalam kitab tajwid, *Mir’at al-Qur’an fi Tahsil Ma’rifat Ahkam al-Tajwid li*

al-Malik al-Wahhab, tulisan Ibn Syeikh Abdul Mu’ti bin Syeikh Muhammad Saleh misalnya menyatakan, “Bahawasanya telah minta pada aku seorang sahabatku yang besar pada menghimpunkan suatu kitab pada menyatakan ilmu tajwid menterjemahkan daripada bahasa Arab kepada bahasa Jawi supaya beroleh manfaat dengan dia barang siapa yang tiada mengetahui bahasa Arab.” Salinan demi salinan kitab agama dilakukan oleh penuntut para ulama dalam tulisan Jawi dan juga bahasa Arab. Banyak manuskrip yang disimpan

Palembang menjadi tempat pertama percetakan litografi (cetak batu) al-Quran yang diusahakan oleh Kemas Haji Muhammad Azhari bin Kemas Haji Abdullah pada tahun 1848. Beliau membeli alat percetakan batu itu di Singapura semasa pulang dari Makkah.

Mushaf al-Quran dari Terengganu dengan hiasan emas bertarikh 1275 H (1859 M).



di muzium dan perpustakaan asalnya ditulis serta disalin oleh para ulama yang menyimpannya di sekolah pondok dan masjid. Antara penyalin manuskrip karya Syekh Daud al-Fatani yang penting termasuklah Tok Kelaba.

Seni visual yang dihasilkan dalam kitab agama di dunia Islam turut menjadi inspirasi kepada penulis kitab agama di dunia

Melayu. Antara kitab terpenting yang boleh dilihat transmisi ilmu dan seni visual termasuklah kitab *Dala'il al-Khairat*. Ilustrasi yang menunjukkan gambar Kaabah dikelilingi tujuh menara Masjidilharam di muka surat kanan dan Raudah yang menempatkan makam Nabi Muhammad serta dua orang sahabat Baginda, Sayidina Abu Bakar dan Sayidina Umar dan


Taman Fatimah di sebelah kiri boleh dilihat dalam semua kitab *Dala'il al-Khairat* yang ditulis dan turut diilustrasi dalam kitab yang disalin di rantau ini.

Era Kolonialisme, Memori dan Pertukaran Teknologi

Suasana pelabuhan pada era kolonial dipenuhi oleh pelbagai masyarakat berbilang kaum yang berasal dari pelbagai negara. Di pelabuhan itu, pertukaran idea dan teknologi menjadi tempat pertemuan. Rangkaian kerjasama antara percetakan awal Melayu di Singapura bukan sahaja meliputi Pulau Pinang dan Melaka, malah juga di Palembang. Palembang menjadi tempat pertama percetakan litografi (cetak batu) al-Quran yang diusahakan oleh Kemas Haji Muhammad Azhari bin Kemas Haji Abdullah pada tahun 1848. Beliau membeli alat percetakan batu itu di Singapura semasa pulang dari Makkah. Al-Quran turut dicetak di Singapura dan amat terkenal di rantau ini. Penyalin al-Quran ada yang datang dari Terengganu untuk menyalin semula al-Quran sebelum mushaf dicetak batu.

Singapura yang sudah terkenal sebagai tempat mulanya percetakan bahan berbahasa Melayu turut menjadi pelabuhan utama untuk ke Jeddah buat jemaah haji. Selain itu, Singapura, Kedah, Pulau Pinang, Batavia dan Palembang turut menjadi tempat utama untuk para jemaah haji berangkat ke Jeddah. Perkhidmatan kapal wap yang dimonopoli oleh bangsa Eropah memudahkan lagi perjalanan ke sana. Dengan perkhidmatan ini juga, banyak tulisan tentang dunia luar yang ditulis oleh para ulama yang telah ke luar negeri. Dalam "Syair Makkah dan Madinah" yang dikarang oleh

Buraq, Mindanao, Selatan Filipina.



Gambaran buraq yang dinaiki oleh Nabi Muhammad di dalam manuskrip Nizami Khamsa dari Dinasti Safavid, Parsi bertarikh 966 Hijrah (1558-89 Masihi).



Masjid Tengkerah, Melaka yang menunjukkan binaan tradisional tiga tingkat bumbung, manakala menara dipengaruhi oleh menara Dargah di India Selatan.

Perarakan Mahmal.

Era kolonialisme turut mempengaruhi perkembangan seni bina masjid di dunia Melayu. Penjajah Eropah yang berfahaman orientalisme mula mengubah cara binaan masjid di rantau ini yang mempunyai bumbung tiga tingkat atau “bumbung meru” dengan memperkenalkan pembinaan masjid yang mempunyai kubah India-Saracenic seperti Masjid Kapitan Keling di Pulau Pinang dan Masjid Zahir di Kedah.

Syeikh Daud dari Sunur, Sumatera, beliau menceritakan tentang suasana musim haji dan umrah di Makkah dan Madinah semasa pemerintahan Uthmaniyah. Antara penelitian beliau semasa berada di sana termasuklah tentang seni bina Masjidilharam yang mempunyai tujuh batang menara dan kemeriahan menyambut perarakan Mahmal, iaitu unta yang dihias dengan khemah di atas bonggolnya.

Era kolonialisme turut mempengaruhi perkembangan seni bina masjid di dunia Melayu. Penjajah Eropah yang berfahaman orientalisme mula mengubah cara binaan masjid di rantau ini yang mempunyai bumbung tiga tingkat atau “bumbung

meru” dengan memperkenalkan pembinaan masjid yang mempunyai kubah India-Saracenic seperti Masjid Kapitan Keling di Pulau Pinang dan Masjid Zahir di Kedah. Selain itu, kedatangan masyarakat India Muslim dari India Selatan turut mempengaruhi binaan menara masjid yang persis menara Dargah di India. Antara masjid yang boleh dilihat di Malaysia termasuklah Masjid Tengkeri dan Masjid Kampung Keling di Melaka.

Pengaruh pemerintahan Empayar Uthmaniyah amat dominan semasa era penjajahan kolonial Eropah di dunia Melayu. Sejak abad ke-16 lagi dan ditambah pula dengan perkembangan gerakan pan-Islamisme yang merebak ke rantau ini. Sebagai contoh, pengaruh yang amat menarik seperti *tughra*, iaitu tandatangan rasmi sultan Uthmaniyah turut memberikan inspirasi kepada seni karya batik bersurek. Batik yang dikelilingi oleh ayat al-Quran dan nama rasul dihiasi dengan *tughra* yang mungkin memberikan semangat kepada pemakai ataupun berfungsi sebagai perlindungan.

Penjajahan yang berlaku tidak hanya mempengaruhi gaya seni tempatan, malah penjajah juga turut dipengaruhi oleh cara kehidupan orang rantau ini terutamanya di Hindia Timur Belanda. Pemakaian kebaya dan tradisi memakan sirih pinang menjadi ikutan orang Belanda di sana. Maka itu, para tukang perak di Hindia Timur Belanda menghasilkan kotak sirih yang diperbuat daripada kulit kura-kura dan dihiasi dengan hiasan plat perak yang dipahat dengan corak bunga-bunga peranan Cina.

Semasa penjajahan Eropah, terdapat banyak interaksi dan pertukaran ilmu antara pihak kolonial yang berminat dengan ilmu tempatan termasuklah bidang zoologi, antropologi dan sastera. Pelbagai ekspedisi dilakukan dengan mengupah warga tempatan yang mahir akan selok-belok dalam hutan dan isinya. Manuskrip sastera dan agama Islam turut dikumpulkan oleh para penjajah untuk koleksi universiti dan institut di negara asal mereka agar pelajar di sana yang bakal datang ke rantau ini untuk berkhidmat sebagai pegawai kolonial mengetahui serba sedikit tentang dunia Melayu. ^{DB}

Samudera dan Dunia Melayu

Sesungguhnya samudera yang mengelilingi dunia Melayu menjadi medium penting untuk pelayaran, perdagangan dan migrasi. Kapal padewakang yang dikemudikan oleh orang Makassar membawa teripang atau gamat berlabuh di Tanah Arnhem di Australia dan memperkenalkan perkataan Melayu kepada bahasa Yolngu. Menerusi pelayaran yang merentas Lautan Hindi, bahasa Melayu tersebar sejauh Madagaskar. Perpindahan penduduk dari rantau ke rantau lain tetap membawa bahasa dan budaya bersama-sama mereka, lalu mengembangkannya di rantau lain seperti yang dilihat di Sri Lanka dan Cape Town di Afrika Selatan. Selama berabad-abad lamanya, pertukaran idea dan perkembangan ilmu yang dibawa oleh lautan dan sungai telah memberikan pelbagai impak terhadap seni dalam dunia Melayu dan menjadikannya sebuah rantau yang kosmopolitan.

